

-MEMORANDUM-

TARIKH : 11 APRIL 2018 / 24 REJAB 1439 H

KEPADA : JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA WAKAF
SELANGOR MUAMALAT (JPB WSM)

DARIPADA : URUSETIA WAKAF SELANGOR MUAMALAT

PERKARA : LAPORAN SUKU TAHUN PERTAMA WAKAF SELANGOR MUAMALAT
BAGI BULAN JANUARI – MAC 2018

1.0 OBJEKTIF

Objektif laporan ini ditulis adalah untuk memaklumkan kepada pihak JPB WSM tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh WSM serta jumlah kutipan dan penggunaan dana WSM bagi suku tahun pertama tahun 2018 (Januari – Mac)

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pengenalan:

Wakaf Selangor Muamalat (WSM) merupakan jalinan kerjasama antara Perbadanan Wakaf Selangor dan Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi menguruskan dana Wakaf secara bersama melalui pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Melalui usahasama ini, Wakaf Selangor Muamalat (WSM) akan menumpukan kepada aktiviti dan projek wakaf dalam dua segmen iaitu kesihatan dan pendidikan. Dana wakaf ini juga akan dilaburkan di dalam aktiviti yang berlandaskan syariah.

3.0 Aktiviti Semasa WSM (Januari – Mac 2018):

Aktiviti	Tempat	Tarikh
<ul style="list-style-type: none">Majlis penyerahan sumbangan sebuah mesin ultra bunyi kepada wad pediatrik di Hospital Selayang berjumlah RM 265,000.00	Hospital Selayang	25 Januari 2018
<ul style="list-style-type: none">Majlis penyerahan sumbangan 3 buah mesin dialisis kepada Pusat Dialisis Bachok Kelantan berjumlah RM 138,330.00	Pusat Dialisis Bachok Kelantan	25 Februari 2018

4.0 Jumlah Kutipan Bulanan WSM (Januari – Mac 2018):

TAHUN	BULAN	KUTIPAN BULANAN (RM)	JUMLAH BULANAN (RM)
Baki Dana Semasa WSM sehingga 31/12/2017			8,938,192.09
2018	Januari	243,779.43	552,653.93
	Februari	177,908.65	
	Mac	130,965.85	
JUMLAH KESELURUHAN DANA PADA 31/3/2017 (A)			9,490,846.02

5.0 Pengeluaran Dana WSM (Januari – Mac 2018):

JPB telah meluluskan pengeluaran dana WSM bagi pada bulan Januari hingga Mac 2018 seperti berikut:

BIL	PROJEK SUMBANGAN WSM	TARIKH PENGELUARAN	AMAUN KELUAR (RM)
A	Projek WSM		
Kesihatan			
1	Sumbangan kerusi rawatan kanser kepada Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor	12/2/2018	16,748.00

2	Sumbangan 3 buah mesin dialisis kepada Yayasan Islam Darul Ehsan	19/2/2018	120,840.00
3	Sumbangan sebuah bas (klinik) bergerak dengan Kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (30% bayaran pertama)	22/2/2018	207,018.00
4	Sumbangan seunit wad penjagaan kaki di UKM	15/3/2018	171,903.12
B	Pengurusan (Penggunaan Dana Manfaat)		
1	Cukai tahunan bagi projek Pelaburan di Tanah Merah	30/1/2018	2,304.00
2	Cukai tahunan bagi projek Pelaburan di GM Klang	12/1/2018	747.80
3	Audit	11/1/2018	26.50
4	Kos penyelenggaraan bagi projek Klinik Bergerak Hospital Beacon	27/2/2018	4,165.08
5	Cukai jalan bagi Klinik Bergerak dengan KPJ Damansara	5/2/2018	1,407.00
6	Caj isu cek (0.53 x 9)	Jan - Mac	4.77
Jumlah Pengeluaran (B)			525,164.27
JUMLAH DANA SEMASA WSM SEHINGGA 31/3/2017 (A - B)			8,965,681.75

6.0 KESIMPULAN

Laporan ini disediakan untuk memaklumkan kepada JPB berkenaan aktiviti-aktiviti WSM yang telah dijalankan, jumlah kutipan dan jumlah pengeluaran dana WSM selama 3 bulan dari Januari hingga Mac pada tahun 2018.

7.0 TANDATANGAN & NAMA

Disediakan oleh:

Tarikh

(Salinan asal ditandatangani)

.....

.....

(Nurshakila Sefor Rahman)
Urusetia JPB – BMMB

Disemak oleh :

(Salinan asal ditandatangani)

.....

.....

(Aminudin Hj Abu Bakar)
Timbalan Pengurus
Bahagian Kewangan BMMB

(Salinan asal ditandatangani)

.....

.....

(Wan Nuraihan Hj Ab Shatar)
Sekretariat JPB - BMMB

(Salinan asal ditandatangani)

.....

.....

(Raqeeah Mohamed)
Sekretariat JPB - PWS